

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ZALI BIN MAT YASIN

TARIKH : 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 46

Datuk Zali bin Mat Yasin minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bolehkah Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyatakan statistik jumlah Pusat Internet 1 Malaysia (Pi1M) yang telah diadakan di setiap negeri dan berapakah peratusan pengguna mengikut peringkat umur yang telah memanfaatkan kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan ini dalam memastikan rakyat di negara ini bebas mendapat maklumat tanpa sekatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2016 Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan sebanyak 668 buah Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) di seluruh negeri seperti berikut :

BIL	NEGERI	JUMLAH
1	Johor	66
2	Kedah	49

SOALAN NO : 46

3	Kelantan	56
4	Melaka	25
5	Negeri Sembilan	35
6	Pahang	90
7	Perak	50
8	Perlis	9
9	Pulau Pinang	1
10	Sabah	85
11	Sarawak	95
12	Selangor	32
13	Terengganu	51
14	WP Kuala Lumpur	19
15	WP Labuan	1
16	WP Putrajaya	4
JUMLAH		668

Setakat tempoh suku tahun pertama 2016, seramai 560,000 orang pengguna pelbagai peringkat umur didapati aktif menggunakan PI1M di mana 64% daripadanya iaitu seramai 358,400 orang merupakan pengguna kanak-kanak atau remaja, 30% iaitu 168,000 orang pengguna dewasa dan selebihnya iaitu seramai 33,600 orang pengguna terdiri daripada warga emas.